

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, 7 April, 2019 8:35 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pensyarah SCIMPA Terima Anugerah Sastera Johor 2019



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

7 APRIL 2019 / 1 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: SCIMPA

PENSYARAH SCIMPA TERIMA ANUGERAH SASTERA JOHOR 2019



UUM ONLINE: Mohd Fairuz Padoli, pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) telah menerima Hadiah Kategori Drama Televisyen (TV) menerusi karyanya berjudul 'Ke Pintu Kaabah' pada Majlis Anugerah Sastera Johor 2019, baru-baru ini.

Beliau menerima pengiktirafan tersebut yang disampaikan Menteri Besar Johor, Dato' Osman Sapian di Dewan Utama Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Yayasan Warisan Johor.

Mohd Fairuz yang lebih dikenali dengan nama pena MF Kencana yang pernah memenangi Anugerah Karyawan Johor 2016, hadiah Sastera Darul Ta'zim dan Anugerah Penulis Muda Johor 2014 melahirkan rasa bersyukur dan berterima kasih kepada UUM kerana telah memberi sokongan dan galakan kepadanya untuk terus berkarya.

Sementara itu, Ketua Satu Persatuan Penulis Johor, Amiruddin Ali Hanafiah berkata, karya 'Ke Pintu Kaabah' itu wajar diangkat sebagai pemenang kerana karya tersebut sarat dengan elemen perjuangan, pengorbanan dan keagamaan selari dengan laporan panel penilai yang menekankan nilai utama mesej dan pengajaran untuk masyarakat.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.